

Lapan ditahan dipercayai terlibat judi siber dan penyalahgunaan dadah dalam bilik hotel terkemuka

Posted on January 9, 2015, Friday

SIBU: Strategi baharu kaki judi siber menggunakan komputer riba dan bilik hotel untuk mengaburi mata pihak berkuasa bukan sahaja tidak menjadi malah didapati positif dadah serta gagal mengemukakan dokumen perjalanan sah.

Dalam operasi pemantauan dan pemeriksaan Ops Dadu sekitar jam 2.45 petang kelmarin, pasukan polis D7 yang diketuai oleh ASP Tega Bilong dan Inspektor Fazirul melancarkan serbuan ke lokasi sasaran dan menahan empat lelaki berbangsa Cina, empat perempuan termasuk dua berbangsa Melayu dan seorang Iban ketika berada dalam sebuah bilik penginapan di tingkat sembilan sebuah hotel terkemuka di sini.

Daripada lapan ditahan, tiga daripadanya termasuk dua lelaki Cina dan seorang wanita Melayu didapati positif dadah jenis syabu, manakala dua lagi perempuan ditahan kerana gagal mengemukakan dokumen perjalanan diri sah.

Baki daripada ditahan kerana berada dalam bilik yang sama ketika serbuan dilakukan.

Semua mereka berumur antara 19 hingga 49 tahun direman empat hari sehingga 11 Januari ini bagi membantu siasatan.

Polis turut merampas tiga unit komputer riba, sebuah telefon bimbit, sekeping resit deposit dan dua keping kad Cardbus tanpa wayar.

Ketika polis melakukan serbuan, seorang lelaki didapati sedang menghadap komputer riba yang memaparkan animasi perjudian secara siber dan pakar analisis DSP Yeoh Chn Shyan mengesahkan ia adalah positif judi 'online.'

Polis juga menemui dua komputer riba lain di dalam bilik yang sama dan disyaki diguna untuk perjudian 'online' selain pelbagai peralatan menghisap serta membungkus dadah.

Ketua Polis Daerah Sibul, ACP Mohd Kamal Kordi berkata, kes itu akan disiasat mengikut Seksyen 4B(a) Akta Rumah Judi Terbuka 1953.

Difahamkan, ada dalam kalangan kaki judi secara 'online' beralih mengguna komputer riba ataupun tablet melalui aplikasi OS Window 8 untuk melepas ketagihan berjudi sejak polis melancarkan serbuan besar-besaran ke atas judi 'online' tahun lepas.

Menurut Ketua Polis Sibul, polis masih meneruskan risikan terhadap kegiatan perjudian 'online' di bandar ini.

Bagamanapun, beliau enggan mengulas lanjut mengenai strategi baharu diguna kaki judi atau individu yang telah beralih menggunakan komputer riba atau tablet untuk mengelak diri daripada ditangkap polis.